

19 FEB 1998

Australia-Malaysia

HUBUNGAN AUSTRALIA-MALAYSIA SIHAT, KATA DUTA AUSTRALIA

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Australia John Howard akan membuka lembaran baru dalam hubungan Australia-Malaysia dengan menjanjikan komitmen Canberra dalam meningkatkan lagi hubungan "positif" dengan Kuala Lumpur semasa lawatannya ke sini minggu depan.

Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia Robert Cotton hari ini berkata, lawatan Howard bertujuan menyambung proses mempertingkatkan lagi hubungan yang "sihat dan pelbagai".

Sementara mengakui yang sebelum ini ada perkara yang tidak kena dalam hubungan antara kedua-dua negara itu, Cotton berkata Australia dan Malaysia berjaya mengatasinya.

"Hubungan dua hala antara kerajaan dan kerajaan semakin positif dan maju...kita percaya kita berupaya mara dalam cara yang positif," kata beliau kepada BERNAMA semasa ditemuramah mengenai lawatan Perdana Menteri Australia itu ke Malaysia bermula Isnin ini.

Howard akan membuat lawatan rasmi yang pertama ke Malaysia sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Paul Keating pada Mac 1996.

Beliau dijangka mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa berada di sini. Kedua-dua pemimpin itu kali terakhir bertemu pada 29 Mac, 1996 apabila Dr Mahathir singgah sementara di Australia dalam perjalanan ke New Zealand untuk lawatan rasmi.

Hubungan Malaysia dengan Australia di bawah bekas kerajaan parti Buruh terjejas beberapa kali dengan Kuala Lumpur menyalahkan Canberra terhadap gambaran salah yang dipaparkan oleh media Australia terhadap Malaysia.

Hubungan antara kedua-dua negara sampai ke tahap paling genting pada lewat 1993 selepas Keating menyifatkan Dr Mahathir sebagai "keras kepala" kerana tidak menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang pertama di Seattle, Amerika Syarikat.

Baru-baru ini dilaporkan yang Howard telah berusaha memulihkan hubungan Australia-Malaysia yang mudah terjejas dan menganggapnya sebagai antara keutamaan dalam dasar luar negara itu.

Bagaimanapun, tiada perkembangan ketara dalam hubungan kedua-dua pihak sejak pertukaran tampuk pemerintahan pada Mac 1996.

Dalam menafikan perkara itu, Cotton berkata lawatan oleh pelbagai Menteri Australia ke Malaysia tahun lepas dan kenyataan-kenyataan para pemimpin Malaysia membuktikan hubungan Australia-Malaysia dalam arah yang betul.

Cotton berkata, hubungan dua hala begitu baik sehinggakan tiada isu untuk diselesaikan.

Beliau juga berkata, adalah tidak adil untuk menyatakan yang media Australia menjadi penghalang kepada hubungan baik Australia-Malaysia.

"Kita di Australia mempunyai pendekatan yang berbeza berbanding media di Malaysia dan ia pasti begitu memandangkan persekitaran politik, sosial dan budaya yang berbeza di kedua-dua negara," kata beliau.

Ditanya sama ada Australia dan Malaysia akan menandatangani sebarang Memorandum Persefahaman (MoU) semasa lawatan Howard, Cotton berkata beliau berharap perjanjian Universiti Monash-Kolej Sunway dapat ditandatangani.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini mengumumkan bahawa Universiti Monash akan membuka cawangan kampusnya di sini.

"Kita harap beberapa lagi akan ditandatangani semasa beliau berada di sini.

-- BERNAMA

ES PR